Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Guru khas mesti siasat, sedia laporan kes buli

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Ilah Hafiz Aziz - Disember 10, 2023 @ 12:57pm
bhnews@bh.com.my



Kes buli di sekolah tidak wajar disorokkan hingga nasib mangsa tidak terbela. - Foto BH

KUALA LUMPUR: Setiap kes buli di sekolah mesti disiasat oleh guru khas yang dilantik oleh guru besar atau pengetua dan guru penyiasat perlu menyediakan laporan kes.

Guru penyiasat itu boleh mengendalikan kes sama ada aduan buli dikatakan berlaku di dalam sekolah atau di luar sekolah.

Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Kementerian Pendidikan (KPM) menjelaskan guru besar dan pengetua bertanggungjawab untuk pengurusan kes buli di institusi pendidikan dengan melantik seorang guru penyiasat bagi menjalankan siasatan.

Beliau juga perlu memastikan latihan disediakan bagi pengendalian penyiasatan berkenaan.

"Guru penyiasat yang dilantik tidak semestinya guru yang sama bagi setiap kes salah laku.

"Bagi menjamin ketelusan dan mengelakkan daripada percanggahan kepentingan, perlu dipastikan guru penyiasat yang dilantik tidak mempunyai kepentingan peribadi

atau mempunyai hubungan secara langsung dengan mangsa, pelaku, ibu bapa atau penjaga.

"Guru penyiasat yang dilantik juga bukan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Disiplin," katanya.

Berdasarkan garis panduan berkenaan, guru penyiasat mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan siasatan secara adil dan berhemah, mengumpul bukti dan maklumat yang diperlukan untuk menyiasat kes salah laku dan merekodkan keterangan daripada saksi dan mangsa yang terbabit dalam kes salah laku.

"Beliau juga menjaga kerahsiaan maklumat yang diterima dan mengemuka laporan siasatan yang lengkap kepada guru besar atau pengetua," katanya.

Selain itu, guru besar atau pengetua juga menubuhkan Jawatankuasa Disiplin yang terdiri daripada guru penolong kanan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal murid sebagai pengerusi; guru yang bertanggungjawab sebagai ketua bagi perkara berkenaan dengan disiplin; guru penolong kanan sesi petang jika institusi mempunyai persekolahan sesi petang dan guru bimbingan dan kaunseling.

Sekiranya perlu, guru besar atau pengetua boleh menubuhkan Jawatankuasa Permuafakatan bagi menyediakan platform rundingan secara harmoni, bagi menyelesaikan pertikaian dan percanggahan yang berbangkit seperti ketidakpuasan hati ibu bapa atau penjaga mengenai hukuman gantung atau buang sekolah yang diputuskan atau ketidakpuasan hati mengenai pengendalian kes salah laku.

"Ahli jawatankuasa antaranya, guru bimbingan dan kaunseling, Pegawai Perhubungan Sekolah Polis Diraja Malaysia, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), warden asrama, ibu bapa pelaku dan mangsa, ketua kampung atau pengerusi persatuan penduduk dan pegawai pendidikan daerah jika perlu," katanya.



Guru boleh menyiasat aduan buli termasuk yang berlaku di luar sekolah. - Foto BH